

## Keselamatan di Dapur

Pada suatu petang yang nyaman, Aina membantu ibunya menyediakan hidangan di dapur. Sebelum memulakan aktiviti memasak, ibunya berpesan agar Aina sentiasa berhati-hati dan mematuhi peraturan keselamatan. Hal ini demikian kerana dapur mempunyai pelbagai peralatan yang boleh mendatangkan bahaya jika digunakan dengan cara yang salah. Aina mendengar pesanan ibunya dengan teliti dan berjanji untuk sentiasa menjaga keselamatan dirinya.

Pertama sekali, Aina memastikan tangannya benar-benar kering sebelum memegang peralatan elektrik. Tangan yang basah boleh menyebabkan seseorang terkena renjatan elektrik. Selain itu, Aina tidak bermain-main dengan pisau kerana pisau merupakan peralatan yang tajam dan boleh menyebabkan kecederaan. Dia juga menjauhkan diri daripada dapur, kualiti dan periuk yang panas bagi mengelakkan dirinya daripada melecur. Setiap peralatan digunakan dengan cermat dan mengikut arahan ibunya.

Di samping itu, Aina sentiasa memastikan lantai dapur bersih dan kering. Dia segera mengelap air yang tertumpah supaya tiada sesiapa yang tergelincir dan terjatuh. Selepas selesai menggunakan peralatan dapur, Aina mencucinya dan menyusun peralatan tersebut dengan kemas di tempat yang sesuai. Tindakan ini dapat menjadikan dapur lebih bersih, teratur dan selamat. Aina juga tidak meninggalkan dapur tanpa memberitahu ibunya.

Ibu Aina berasa amat bangga melihat sikap anaknya yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap keselamatan. Aina pula berasa gembira kerana dapat membantu ibunya sambil mempelajari cara menjaga keselamatan di dapur. Dia sedar bahawa sikap cuai boleh mengundang padah kepada diri sendiri dan orang lain.

Kesimpulannya, keselamatan di dapur hendaklah diberi perhatian oleh setiap orang. Kita mestilah sentiasa berwaspada, mematuhi peraturan keselamatan dan menggunakan peralatan dapur dengan cara yang betul. Janganlah kita bersikap sambil lewa ketika berada di dapur kerana malang tidak berbau. Jika langkah-langkah keselamatan diamalkan, sudah pasti kemalangan dapat dielakkan dan suasana dapur akan menjadi lebih selamat.